

20 OCT 1996

MAHATHIR SERTAI JOGATHON BAKTI

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama)--Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini menyertai jogathon sejauh 4.2 kilometer anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (Bakti).

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri-menteri kabinet, timbalan menteri dan setiausaha parlimen serta keluarga masing-masing turut menyertai acara itu yang diadakan bagi mengisi tabung Bakti.

Jogathon itu bermula dan tamat di Bangunan Parlimen dengan melalui jalan ke Tugu Negara dan Wisma Tani.

Tabung itu membolehkan Bakti yang diketuai isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Ali, menderma kepada mereka yang kurang bernasib baik dan atau ditimpa bencana serta kepada institusi pendidikan dan perubatan.

Projek amal bakti bagi mengutip sumbangan itu diadakan dua tahun sekali.

Antara Okt 1994 hingga akhir Julai lepas, Bakti telah menderma kembali sebanyak RM8.34 juta, kata Dr Siti Hasmah kepada pemberita.

Derma disumbangkan oleh badan koprorat, syarikat swasta dan orang perseorangan.--BERNAMA

ZUK WAT